

17 OCT 2003

OIC-Perang/I

DR MAHATHIR TIDAK ISYTIHARKAN PERANG KE ATAS YAHUDI, KATA MUSHARAFF

PUTRAJAYA, 17 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapannya pada sesi pembukaan Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 tidak mengisytiharkan perang ke atas Yahudi tetapi hanya menyuarakan pandangannya, kata Presiden Pakistan Jen Pervez Musharaff.

Beliau berkata sungguhpun ianya merupakan suatu ucapan yang menghuraikan pemikiran Dr Mahathir tetapi "beliau sudah tentunya tidak mengisytiharkan perang ke atas Yahudi."

Semasa bercakap pada persidangan media di luar Sidang Kemuncak OIC ke-10 yang berakhir di sini malam ini, beliau berkata Dr Mahathir merupakan seorang pemimpin yang hebat dan mempunyai pandangan yang sahih terhadap perkara-perkara tertentu yang dekat di hatinya.

Semalam, Dr Mahathir berkata: "Yahudi memerintah dunia dengan menggunakan proksi. Mereka menggunakan orang lain untuk berperang dan mengorbankan nyawa bagi pihak mereka."

Dr Mahathir memberitahu pemimpin 57 negara Islam bahawa umat Islam tidak ada pencapaian dalam perjuangan 50 tahun menentang Israel dan beliau mencadangkan taktik politik dan ekonomi digunakan dalam perjuangan itu bagi menggantikan peperangan.

Kenyataan Dr Mahathir itu menerima kritikan tajam daripada Kesatuan Eropah, Amerika Syarikat dan Australia.

"Saya tidak mahu mengulas mengenai pemikirannya," kata Musharaff apabila terus didesak supaya memberikan reaksi terhadap pandangan Dr Mahathir.

Sementara itu, beliau berkata masanya telah tiba supaya OIC disusun semula "tetapi penyusunan semula itu perlu dilakukan satu persatu."

"Kami telah mengenalpasti masalah itu. Kami akan membentuk sebuah Suruhanjaya OIC untuk mengusahakannya (penyusunan semula OIC). Sidang kemuncak ini amat produktif dan berjaya," katanya.

Beliau berkata OIC perlu menyelaraskan usahanya dalam menangani masalah dan menyemai dinamisme dalam kepimpinan pertubuhan itu bagi menjadikannya sebuah badan yang dinamik.

Musharraf turut memuji Malaysia berikutan kejayaan menganjurkan Sidang Kemuncak OIC ke-10 dengan mengatakan sidang kemuncak itu bukan sahaja mencapai keputusan yang dihasratkan tetapi juga dijalankan secara lancar dan cekap.

-- BERNAMA

SR AZZ ROS